

Nyatakan elemen-elemen rekabentuk berikut:



Topografi semula jadi dan buatan manusia saling bergantung



Topografi ialah keadaan semula jadi permukaan bumi seperti gunung, bukit, lembah, sungai, tasik dan daratan. Topografi buatan manusia pula merujuk kepada busut kecil, perigi, batas tanaman dan kolam.




Tumbuhan ialah elemen penting dalam Reka Bentuk Landskap. Pemilihan tumbuhan bergantung kepada saiz, bentuk, warna dan jalinan. Tumbuhan mempunyai fungsi fizikal dan estetik.



Tumbuhan dapat menyegarkan persekitaran



Struktur diwujudkan bagi kemudahan dan keselesaan pengguna. Struktur boleh terdiri daripada batu, konkrit, kayu dan logam. Contoh-contoh struktur ialah lorong pejalan kaki, pagar, tembok, bangku dan pondok.



Air memberikan kesan sejuk dan ketenangan



Air menjadi elemen estetik dan berfungsi memberikan kesan nyaman dan ketenangan. Air juga boleh digunakan untuk aktiviti rekreasi. Reka Bentuk Landskap air meliputi kolam, air terjun dan pancuran air.



Struktur untuk kemudahan pengguna